

ISU MORFOLOGI BAHASA MELAYU: KATA DASAR YANG TIDAK BOLEH DIGANDASEPARAKAN

Zaharani Ahmad

Abstrak

Penggandaan separa merupakan salah satu proses morfologi untuk menghasilkan kata terbitan bahasa Melayu. Kebanyakan kajian sebelum ini hanya menjelaskan bagaimana rumus-rumus morfologi dan fonologi itu berinteraksi antara satu sama lain dalam menghasilkan bentuk kata ganda separa yang gramatis. Sebaliknya, persoalan mengapakah sesuatu bentuk itu muncul sebagai tidak gramatis ataupun tidak pernah wujud dalam bahasa Melayu tidak diberikan penjelasan yang berpada. Justeru itu, makalah ini cuba memberikan penjelasan mengapakah kata dasar yang bermula dengan vokal dan kata dasar yang bersuku kata tunggal tidak boleh menjalani proses penggandaan separa. Dalam menangani isu ini, penulis akan menggunakan kerangka teori autosegmental model pemindahan melodi (Clements, 1985).

Abstract

Partial reduplication is part of Malay morphology for generating words. Most of the previous descriptions only account for the interaction of phonological and morphological rules in deriving the reduplicated forms, which are grammatical. However, the issue of forms which are ungrammatical and also that never exist in the language has never been adequately explored. This article aims to offer an explanation why roots that begin with a vowel and monosyllabic roots can never undergo the process of partial reduplication. The present analysis is couched in the framework of Autosegmental theory of the melodic transfer model (Clements, 1985).

PENDAHULUAN

Analisis linguistik yang mencapai tahap kepada penjelasan (*explanatory adequacy*) bukan sekadar mampu menjelaskan bagaimana sesuatu bentuk yang gramatis itu dihasilkan, malah berkemampuan juga menjelaskan mengapakah sesuatu bentuk itu muncul sebagai tidak gramatis ataupun tidak pernah wujud dalam bahasa yang teliti.

Berdasarkan pernyataan di atas, makalah ini cuba memberikan analisis yang berpada tentang penggandaan separa bahasa Melayu, khususnya untuk menjelaskan mengapakah terdapat kata dasar tertentu yang tidak boleh menjalani proses penggandaan tersebut. Dalam menangani isu ini, penulis akan menggunakan kerangka teori autosegmental model pemindahan melodi (Clements, 1985).

KERANGKA TEORI AUTOSEGMENTAL

Teori autosegmental mula diperkenalkan untuk menangani fenomena yang berhubung dengan aspek fonologi. Andaian asas teori ini ialah representasi fonologi itu terdiri daripada dua atau lebih tingkat (*tiers*), dan setiap tingkat itu mengandungi satu untaian segmen yang tersendiri.¹ Segmen-segmen pada tingkat yang berbeza ini dihubungkan antara satu sama lain dengan garis penghubung. Pemetaan garis penghubung ini harus mematuhi prinsip *WFC* (*Well-formedness Condition*) yang mensyaratkan garis itu tidak boleh bersilang. Sekiranya penyilangan berlaku, bermakna bahawa bentuk yang dihasilkan itu tidak gramatis. Dengan kata lain, ketidakgramatisan sesuatu bentuk itu dapat dijelaskan secara teoretis dan bukannya bersifat stipulatif.

Dalam perkembangan selanjutnya, pendekatan autosegmental ini diterapkan dalam kajian morfologi, khususnya untuk menangani fenomena reduplikasi atau penggandaan. Kebanyakan teori morfologi hari ini menganggap bahawa penggandaan itu adalah sebahagian daripada proses pengimbuhan. Tidak seperti imbuhan biasa, imbuhan kata ganda ini tidak mengandungi spesifikasi fonologi atau mempunyai representasi fonem pada peringkat leksikalnya. Imbuhan kata ganda hanya mempunyai spesifikasi morfem dalam bentuk skeletal template KV. Dengan kata lain, imbuhan kata ganda hanya mempunyai segmen pada tingkat skeletal, tetapi tidak mempunyai apa-apa fonem pada tingkat melodi. Morfem terikat atau imbuhan kata ganda ini memperoleh kandungan fonemnya dengan cara menyalin atau mengulang segmen-segmen yang terkandung dalam kata dasar.

Untuk melihat bagaimana teori autosegmental ini beroperasi dalam menerbitkan sesuatu bentuk kata ganda, lihat penggandaan separa yang berlaku dalam bahasa Agta di bawah (dipetik daripada Marantz 1982: 439), seperti yang berikut:

1. Kata dasar		Kata ganda	
takki	'kaki'	taktakki	'banyak kaki'
bari	'badan'	barbari-k kid-in	'badan saya seluruhnya'
na-wakay	'hilang'	na-wakwakay	'banyak benda hilang'
mag-saddu	'bocor'	mag-sadsaddu	'bocor di banyak tempat'

Seperti yang dapat dilihat, bentuk kata ganda itu berulang sebahagian daripada unsur kata dasar (yang dicetak tebal), dan proses penggandaan seperti ini umumnya dikenali sebagai penggandaan separa. Bentuk kata ganda itu sentiasa bersuku kata tertutup (KVK), walaupun suku kata pertama kata dasar itu kadangkala bersuku kata terbuka. Ini menunjukkan bahawa proses penggandaan separa dalam bahasa Agta tidak dapat dikatakan sebagai mengulang suku kata pertama kata dasar.²

Untuk menjelaskan proses penggandaan separa yang berlaku dalam (1) Marantz (1982), yang menggunakan teori autosegmental model pengulangan dan penghubungan (*copy and association model*) mencadangkan bahawa template bagi morfem kata ganda separa bahasa Agta ialah KVK. Imbuhan ini digolongkan sebagai awalan, dan justeru itu imbuhan ini harus mendahului kata dasar. Bagaimana kata ganda dalam bahasa Agta diterbitkan dapat ditunjukkan dalam derivasi di bawah:

2. (a) Input



(b) Pengulangan melodi



(c) Pemetaan dari kiri ke kanan



(d) Pengguguran



(e) Output (taktakki)



Proses reduplikasi atau penggandaan harus mengulang semua melodi yang terkandung dalam morfem dasar (2b). Kemudian, proses penghubungan akan memetakan melodi-melodi ini dengan skeletal template KVK, dan pemetaan berlaku dari kiri ke kanan (2c). Melodi yang tidak boleh dipetakan dengan sebarang gatra (*slot*) di tingkat skeletal dengan sendirinya digugurkan menurut prinsip umum *Stray Erasure* (Striade, 1982). Dalam hal ini vokal /i/ akan digugurkan (2d), dan akhirnya terhasillah bentuk ganda separa (taktakki) seperti yang ditunjukkan dalam (2e).

PERNYATAAN MASALAH

Model yang diperkenalkan oleh Marantz (1982), telah digunakan oleh Zaharani (2000a) untuk menjelaskan penggandaan separa yang berlaku dalam bahasa Melayu. Satu generalisasi umum tentang penggandaan separa bahasa Melayu ialah proses tersebut hanya boleh melibatkan kata dasar yang bermula dengan bunyi konsonan, manakala kata dasar yang bermula dengan vokal tidak pernah menghasilkan bentuk kata ganda separa. Generalisasi ini telah berjaya ditangani dengan baik dan berpada oleh

analisis autosegmental model pengulangan dan penghubungan (Zaharani, 2000a).

Namun begitu, satu lagi generalisasi penting telah terlepas perhatian analisis tersebut, iaitu kata dasar yang bermula dengan konsonan tetapi bersuku kata tunggal juga tidak boleh mengalami penggandaan separa. Berdasarkan model pengulangan dan penghubungan yang digunakan dalam Zaharani (2000a), kata dasar ini boleh digandaseparakan. Walau bagaimanapun, bentuk kata ganda yang terhasil itu tidak gramatis. Oleh sebab bentuk itu tidak gramatis, maka kepadanan analisis tersebut tidak dapat dipertahankan lagi. Sebagai saran penyelesaian, makalah ini cuba mengusulkan satu pendekatan lain yang menggunakan kerangka teori autosegmental model pemindahan melodi yang diutarakan oleh Clements (1985).

PEMAPARAN DATA

Data kajian Zaharani (2000a), kesemua contoh kata ganda separa yang diberikan berinputkan kata dasar yang terdiri daripada dua dan tiga suku kata. Kata dasar itu pula mestilah bermula dengan bunyi konsonan dan kata dasar yang bermula dengan bunyi vokal tidak boleh menghasilkan bentuk kata ganda separa. Data tambahan bahasa Melayu menunjukkan bahawa kata dasar yang bersuku kata tunggal juga tidak boleh digandaseparakan. Misalnya:

3. Kata dasar yang boleh digandaseparakan


Kata ganda penuh	Kata ganda separa	
kura-kura	k kura	kekura
suka-suka	s suka	sesuka
g nda -g nda	g g nda	gegendang
s wena-wena	s w wena	sewewenang
siapa-siapa	s siapa	sesiapa
s kali-s kali	s s kali	sesekali
b rapa-b rapa	b b rapa	beberapa

4. Kata dasar yang tidak boleh digandaseparakan

Kata ganda penuh	Kata ganda separa
a an-a an	* a an
anai-anai	* anai

unda -unda	* unda
hal-hal	*h hal
waswas	*w was
wak-wak	*w wak
kus-kus	*k kut
tup-tup	*t tup
som-som	*s som

Dalam bahasa Melayu, kata dasar yang bersuku kata tunggal³ memperlihatkan perilaku morfofonologi yang agak berbeza dan luar biasa. Dengan kata lain, rumus fonologi yang beroperasi dalam konteks pengimbuhan dengan kata dasar yang bersuku kata satu itu berbeza daripada hal yang berlaku dengan kata dasar yang bersuku dua atau lebih. Misalnya, penggabungan awalan /m -/ dan /di-/ dengan kata dasar bersuku kata atau telah menghasilkan dua fenomena fonologi, iaitu proses penyisipan schwa (/m +pam/→ [m pam]) dan pemanjangan vokal (/di+pam/→ [di:pam]). Berdasarkan dua fenomena ini, Zaharani (2000b), menyarankan bahawa representasi fonologi bagi kata dasar bersuku kata tunggal bahasa Melayu dapat direpresentasikan seperti yang di bawah:



Seerti yang dapat dilihat, kata dasar yang biasa dikenal sebagai bersuku kata tunggal itu sebenarnya bersuku kata dua pada peringkat skeletal templatnya. Kewujudan gatra V kosong di tingkat skeletal itu menjadi pendorong kepada pelaksanaan rumus penyisipan Schwa dan rumus pemanjangan vokal.⁴ Gatra V kosong juga membuktikan bahawa kata dasar tersebut bermula dengan vokal. Justeru itu, generalisasi yang merumuskan bahawa kata dasar yang bermula dengan vokal tidak boleh mengalami penggandaan separa seperti yang diutarakan dalam Zaharani (2000a) masih boleh dipertahankan kebenarannya. Persoalannya sekarang mampukah generalisasi ini ditangani secara berpada oleh analisis autosegmental model pengulangan dan penghubungan melodi.

ANALISIS AUTOSEGMENTAL MODEL PENGULANGAN DAN PENGHUBUNGAN MELODI

Dalam usaha untuk menjelaskan proses penggandaan separa yang berlaku dalam bahasa Melayu, Zaharani (2000a) menyarankan bahawa template bagi imbuhan kata ganda atau kata ulang itu ialah KV seperti yang direpresentasikan di bawah:


6. Tingkat skeletal K V
 Tingkat melodi

Representasi fonologi imbuhan kata ganda di atas menunjukkan bahawa morfem tersebut hanya mempunyai segmen K dan V dan tidak mempunyai sebarang fonem di tingkat melodi. Imbuhan ini harus dikelaskan sebagai awalan dan apabila diimbuhkan dengan kata dasar, maka representasi seterusnya adalah seperti yang berikut:


7. Tingkat skeletal K V + K V K V
 Tingkat melodi s u k a

Selanjutnya, bagaimanakah representasi (7) menghasilkan bentuk kata ganda (s suka) dapat dijelaskan melalui derivasi (8):

8. (a) Representasi dalaman



- (b) Pengulangan melodi



(c) Penghubungan dari kiri ke kanan

Tingkat skeletal	K V + K V K V
Tingkat melodi	s u k a s u k a

(d) Pengguguran segmen

Tingkat skeletal	K V + K V K V
Tingkat melodi	s u s u k a

(e) Pelemahan vokal

Tingkat skeletal	K V + K V K V
Tingkat melodi	s s u k a

(f) Representasi permukaan


Tingkat skeletal	K V K V K V
Tingkat melodi	s s u k a

Rumus pertama yang berlaku dalam derivasi di atas ialah pengulangan melodi, iaitu semua segmen atau fonem yang terkandung dalam kata dasar itu harus diulang (8b). Fonem-fonem ini kemudiannya dihubungkan dengan segmen K dan V yang membentuk template bagi morfem terikat kata ganda berkenaan. Seperti yang dapat dilihat, proses penghubungan harus diparameterkan, bergerak dari kiri ke kanan (8c). Mana-mana fonem yang tidak berhubungan dengan gatra K atau V pada tingkat skeletal, dengan sendirinya akan digugurkan melalui konvensi umum yang dikenal sebagai *Stray Erasure* (8d).


Rumus fonologi seterusnya melibatkan pelemahan vokal yang boleh dianggap sebagai rumus *default* yang menukarkan vokal tinggi /u/ menjadi schwa (8e), dan akhirnya terhasil bentuk permukaan (s suka) seperti dalam (8f).

Dalam derivasi yang berikut, kita akan melihat bagaimana analisis di atas menjelaskan mengapakah kata dasar yang bermula dengan vokal tidak boleh menghasilkan kata ganda separa.


9. (a) Representasi dalaman




(b) Pengulangan melodi




(c) Penghubungan dari kiri ke kanan



(d) Pengguguran segmen



(e) Representasi permukaan




Derivasi (9) menunjukkan bahawa pemetaan yang menghubungkan unsur melodi dengan gatra K dan V, imbuhan kata ganda menyebabkan garis penghubung bersilang antara satu sama lain (9c), dan secara langsung melanggar konvensi *WFC* yang mensyaratkan garis penghubung itu tidak boleh bersilang. Penghubungan yang bersilang menandakan bahawa bentuk yang terhasil itu tidak gramatis, dan ini memberi penjelasan mengapakah kata dasar yang suku kata pertamanya bermula dengan vokal tidak boleh mewujudkan bentuk kata ganda separa.


Daripada derivasi yang diberikan dalam (9), dapat disimpulkan bahawa analisis autosegmental model pengulangan dan penghubungan melodi telah berjaya menangani proses penggandaan separa bahasa Melayu dengan baik dan berpadu. Analisis tersebut bukan sahaja dapat menjelaskan bagaimana proses penggandaan itu beroperasi dalam menghasilkan bentuk kata ganda yang tepat dan gramatis (derivasi 8), tetapi juga mampu menjelaskan mengapa kata dasar yang bermula dengan vokal tidak boleh menjalani proses penggandaan yang sama (derivasi 9).

Walau bagaimanapun analisis di atas sukar menangani kes yang melibatkan kata dasar yang bermula dengan konsonan serta bersuku kata tunggal. Berdasarkan derivasi yang diutarakan sebelum ini, proses penggandaan separa akan beroperasi seperti biasa tanpa sebarang masalah. Tetapi, yang menimbulkan persoalan ialah bentuk yang dihasilkan itu tidak gramatis, seperti yang ditunjukkan oleh derivasi yang berikut:


10. (a) Representasi dalaman




(b) Pengulangan melodi




(c) Penghubungan dari kiri ke kanan




(d) Pengguguran segmen




(e) Pelemahan vokal



(f) Penyebaran vokal



(g) Representasi permukaan (w: was)



V kosong pada kata dasar memerlukan melodi, iaitu fonem vokal. Keperluan ini mampu diperoleh melalui penyebaran daripada vokal schwa yang mendahuluinya.⁵ Oleh sebab tiada garis penghubung yang bersilang, maka bentuk yang terhasil itu seharusnya gramatis. Namun demikian, bentuk ini tidak pernah wujud dan secara intuitivanya janggal dalam bahasa Melayu, justeru itu dianggap sebagai tidak gramatis. Ini menunjukkan bahawa analisis di atas telah membuat atau generalisasi yang berlebihan,

justeru itu tidak boleh lagi dianggap sebagai berpada dari segi kepadaan penjelasan.

ANALISIS AUTOSEGMENTAL MODEL PEMINDAHAN MELODI

Analisis autosegmental model pemindahan melodi diutarakan oleh Clements (1985), sebagai satu cara lain untuk menangani fenomena penggandaan separa. Berbeza daripada model pengulangan dan penghubungan melodi yang dibicarakan di atas, model pemindahan melodi ini tidak melibatkan sebarang proses pengulangan segmen kata dasar. Imbuan kata ganda juga tidak digabungkan atau digandingkan secara bersebelahan dengan kata dasar sama ada pada awal atau akhir. Justeru itu, imbuan ini tidak lagi disebut sebagai prefiks atau awalan, sufiks atau akhiran, tetapi dikenal sebagai parafiks yang kedudukannya berada di atas kata dasar seperti yang ditunjukkan dalam representasi yang di bawah:


11. Tingkat skeletal parafiks	K	V		
Tingkat skeletal	K	V	K	V
Tingkat melodi	s	u	k	a

Imbuan parafiks itu berada pada tingkat yang berlainan daripada kata dasar pada peringkat dalamannya. Namun begitu, unsur yang membina skeletal parafiks masih berstruktur KV, yakni sama dengan representasi yang dikemukakan dalam analisis sebelum ini. Bagaimana penerbitan kata ganda dihasilkan dapat dilihat dalam derivasi yang seterusnya.


12. (a) Representasi dalaman

Tingkat skeletal parafiks	K	V		
Tingkat skeletal	K	V	K	V
Tingkat melodi	s	u	k	a


(b) Pemindahan melodi melalui projeksi



(c) Linearisasi



(d) Pelemahan vokal



(e) Representasi permukaan




Imbuan parafiks KV mendapat unsur melodinya melalui projeksi gatra K dan V daripada skeletal kata dasar. Projeksi ini memindahkan kualiti fonem kata dasar terus kepada parafiks tersebut (12b). Dalam hal ini gatra K akan mendapat melodi /s/, manakala gatra V memperoleh vokal /u/. Rumus linearisasi pula akan meletakkan kedua-dua morfem, iaitu imbuan dan kata dasar yang berada pada dua tingkat yang berbeza itu pada satu tingkat yang sama (12c). Vokal pada prefiks ini kemudiannya berubah menjadi


schwa kerana pelaksanaan rumus pelemahan vokal (12d), dan akhirnya terhasillah bentuk (s suka).

Seterusnya kita akan melihat bagaimana pendekatan kedua ini menjelaskan proses penggandaan separa yang melibatkan kata dasar yang suku kata pertamanya bermula dengan vokal menghasilkan bentuk yang tidak gramatis seperti derivasi (13).


13. (a) Representasi dalaman




(b) Pemindahan melodi melalui projeksi




(c) Linearisasi



(d) Pelemahan vokal




(e) Representasi permukaan




Seperti yang dapat dijangkakan, apabila gatra V dan K kata dasar di-projeksikan ke gatra K dan V parafiks, maka terhasil pemetaan garis yang bersilang (13b). Penyilangan ini melanggar prinsip *WFC*, dan justeru itu seperti yang ditelah oleh teori autosegmental, bentuk yang terhasil itu tidak gramatis.

Berbalik kepada isu kata dasar yang bersuku kata tunggal, oleh sebab kata tersebut pada peringkat dalamannya bermula dengan vokal, maka dapat diramalkan bahawa bentuk yang terhasil itu pastinya tidak gramatis kerana derivasi tersebut menjanakan garis perhubungan yang bersilang. Pernyataan ini dapat dijelaskan oleh derivasi yang berikut:


14. (a) Representasi dalaman




(b) Pemindahan melodi melalui projeksi




(c) Linearisasi




(d) Penyisipan vokal schwa



(e) Penyebaran



(f) Representasi permukaan (w :was)



Walaupun gatra V kata dasar tidak mempunyai sebarang melodi, proses projeksi harus terus dilaksanakan seperti yang lazim dalam penderivasian penggandaan separa. Gatra kosong ini boleh diisi dengan vokal schwa melalui rumus penyisipan schwa, iaitu satu rumus yang regular dan aktif dalam sistem fonologi bahasa Melayu (14d). Apabila proses projeksi dilaksanakan, maka terhasillah penyilangan garis penghubung, dan hal ini mengingkari prinsip *WFC* (14b). Justeru itu, bentuk yang dihasilkan itu pastinya tidak gramatis. Walaupun pada peringkat berikutnya, iaitu di tahap derivasi (14c), (14d), dan (14e) penyilangan garisan tidak tergambar pada representasi tersebut, keadaan itu tidak relevan lagi kerana status ketidakgramatisan bentuk kata ganda itu telah pun dikenal pasti dan ditentukan sebelumnya.

KESIMPULAN

Daripada perbincangan di atas, dapatlah disimpulkan bahawa analisis autosegmental model pemindahan melodi lebih berpeda berbanding dengan model pengulangan dan penghubungan melodi kerana kemampuannya menangani keseluruhan maklumat morfologi yang berhubung dengan penggandaan separa bahasa Melayu. Selain menjelaskan bagaimana bentuk yang gramatis itu dihasilkan, analisis tersebut berjaya menjelaskan mengapa kata dasar yang bermula dengan vokal dan kata dasar yang lazim dikenal sebagai bersuku kata tunggal tidak boleh menjalani proses penggandaan separa.

NOTA

¹ Antara tingkat-tingkat yang diutarakan dalam kosa ilmu fonologi ialah tingkat melodi (*melodic tier*) atau tingkat fonem (*phonemic tier*), tingkat KV (*CV tier*) atau tingkat skeletal (*skeletal tier*), tingkat suku kata (*syllabic tier*), tingkat morfem (*morphemic tier*), dan seterusnya.

² Proses penggandaan separa bahasa Agta hampir sama dengan bahasa Melayu. Cuma kata ganda bahasa Melayu sentiasa bersifat terbuka (KV), walaupun kata pertama kata dasarnya kadangkala bersuku kata tertutup. Sila lihat Zaharani (2000a) untuk keterangan lanjut.

³ Untuk makluman, kebanyakan kata dasar yang bersuku kata satu yang terdapat dalam bahasa Melayu hari ini merupakan kata asing yang dipinjam daripada bahasa Inggeris dan juga bahasa Arab.

⁴ Untuk keterangan lanjut tentang analisis fonologi dua rumus di atas, lihat Zaharani (2000b).

⁵ Proses yang sama berlaku dalam fenomena pemanjangan vokal bahasa Melayu. Untuk keterangan lanjut, lihat Zaharani (2000b).

RUJUKAN

- Clements, G.N. 1985. "The Problem of Transfer in Nonlinear Morphology" dlm. *Cornell Working Papers in Linguistics 7*: Hlm. 38–73.
- Kenstowicz, M. 1994. *Phonology in Generative Grammar*. Cambridge: Blackwell.
- Marantz, A. 1982. "Rereduplication" dlm. *Linguistic Inquiry 13*: Hlm. 435–482.

ZAHARANI AHMAD

- Spenser, A. 1991. *Morphological Theory*. Oxford: Blackwell.
- Striade, D. 1988. "Reduplication and Syllable Transfer in Sanskrit and Elsewhere" dlm. *Phonology* 5: Hlm. 73–155.
- Zaharani Ahmad, 2000a. "Penggandaan Separa Bahasa Melayu: Suatu Analisis autosegmental" dlm. *Dewan Bahasa* 44: 7 Julai, hlm. 722–736.
- Zaharani Ahmad, 2000b. "Pemanjangan dan Penyisipan Vokal dalam Bahasa Melayu": Suatu Analisis Autosegmental" dlm. *Dewan Bahasa* 44:12 Disember, hlm. 1202–1221.